

BAHAGIAN A


[30 markah]

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan **gejala rasuah** yang kian berleluasa di negara kita. Berdasarkan maklumat tersebut tulis sebuah karangan tentang **gejala rasuah**.

Panjang huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Pupuk budaya benci rasuah sejak sekolah

“Nilai etika dan kepentingan integriti juga harus ditanamkan pada usia muda, bermula pada peringkat sekolah. Kerajaan harus memperkenalkan kurikulum baharu di sekolah untuk membolehkan pelajar belajar mengenai kesan negatif rasuah dan mengapa ia tidak dapat diterima. Ini dapat membantu mengembangkan budaya kejujuran dan kepercayaan serta menjadi cara hidup pemimpin masa depan kita.”

Tan Sri Lee Lam Thye*Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat***HUKUMAN BERAT DIKENAKAN****JANGAN TERIMA RASUAH**

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.***

1.

Buli boleh didefinisikan sebagai tingkah laku agresif, sama ada dalam bentuk fizikal ataupun psikologi, terhadap mangsa yang bertujuan untuk mendatangkan perasaan tidak selesa, kecelaruan dan ketidaktenteraman seseorang. Buli fizikal boleh berlaku dalam beberapa tingkah laku, seperti memukul, menampar, menendang dan menumbuk, yang dapat membawa maut sekiranya melibatkan keganasan melampau. Buli psikologi pula lebih kepada mengejek, mengusik dan menghina. Cara mengatasi masalah buli melibatkan pelbagai pihak seperti ibu bapa perlu mendidik anak dengan asas agama, pihak sekolah menjalankan program kesedaran buli, pihak kerajaan memperkasakan tindakan undang-undang dan mengenalpasti kes buli di sekolah serta rakan-rakan perlu melaporkan kes buli kepada pihak yang berwajib.

Sumber : Dewan Siswa, Julai 2015

Petikan majalah di atas menjelaskan maksud buli dan beberapa impak terhadap individu.

Bincangkan cara anda untuk menangani masalah ini.

2.

“Setiap orang mempunyai peranan masing-masing untuk menyatukan rakyat Malaysia berdasarkan nilai-nilai murni yang dituntut oleh semua agama dan kaum dan bukannya mengamalkan dan mengeksploitasi sentimen etnik. Selain itu, cara terbaik untuk memupuk semangat perpaduan ini adalah di sekolah-sekolah termasuk tadika kerana kanak-kanak masih muda dan boleh dibentuk tanpa melihat sesuatu perkara melalui kanta prejudis serta dididik menjadi ‘buta warna’.”

*Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
ucapan Tan Sri Lee Lam Thye,
Berita Harian Online, 7 April 2018*

Sebagai respons terhadap petikan ucapan di atas, anda dikehendaki untuk menulis suatu rencana yang bertajuk “ Fungsi Sekolah sebagai Agen Perpaduan”.

Sediakan rencana anda selengkapnya.

3.

Pada era pascaglobalisasi ini, kita sering mendengar masalah remaja yang semakin hari semakin membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka terlibat dalam gejala sosial, seperti vandalisme dan gengsterisme. Oleh yang demikian, ibu bapa seharusnya memainkan peranan mereka sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mendidik dan membentuk sahsiah yang cemerlang dan terbilang dalam diri anak-anak. Apabila ibu bapa memainkan peranan mereka dengan memberi didikan agama, meluangkan masa bersama anak-anak dan menunjukkan teladan terbaik kepada anak-anak, pasti dapat mengelakkan mereka daripada terjebak dalam gejala sosial yang mengundang impak kepada masa depan mereka.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
'Peranan Ibu Bapa untuk Membentuk Sahsiah yang
Cemerlang dalam Diri Anak-anak'
oleh Norasma Salleh
KLIK WEB DBP

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan peranan ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak.

Huraikan pendapat anda selengkapnya.

4.

Kerosakan alam memuncakkan masalah perubahan iklim, pemanasan global, gangguan habitat dan penenggelaman kawasan pesisir pantai. Hal ini memberikan implikasi terhadap aspek keselamatan dan kesejahteraan manusia, mengancam alam semula jadi dan kestabilan ekonomi negara.

Sumber : *Dewan Siswa*, Ogos 2019

Anda telah diberikan tajuk “Pendidikan Alam Sekitar Perlu Diajar Di Sekolah”

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

